

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme
Sent: Monday, October 8, 2018 8:37 AM
To: UUM - All Staff; 'student@gsgsg.uum.edu.my' (student@gsgsg.uum.edu.my)
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulnizam Bin Abdullah; Prof. Madya Dr. Badariah binti Haji Din; Dr. Noor Azimin Binti Zainol; Mohd Sukri bin Othman
Subject: MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM LATIHAN EKSEKUTIF "Refreshing Executive Programme for Young Lecturers"



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia



Serving the Global Community

8 OKTOBER 2018 / 28 MUHARRAM 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



GSEEP ONLINE : Majlis Penutupan program "Refreshing Executive Programme for Young Lecturers" anjuran Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP) bersama peserta daripada Universitas Krisnadwipayana (UNKRIS) telah diadakan pada 7 Oktober 2018, Ahad bertempat di Bilik Mesyuarat Institut (GSGSG).

Majlis dimulakan dengan kata-kata aluan daripada Dekan GSGSG, Prof. Dr. Mohd. Kamarulnizam Abdullah. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua peserta dan pengurusan program yang terlibat di atas semua sumbangan menjayakan program ini. Latihan eksekutif program ini adalah yang pertama yang dijalankan tempoh yang lama bermula pada 16 September – 7 Oktober 2018 iaitu selama 21 hari.

Seterusnya montaj berkisar aktiviti sepanjang peserta berada di sini turut dipertontonkan. Beberapa wakil peserta juga diberi peluang untuk membuat kesimpulan ke atas program ini

dan ucapan terima kasih atas keprihatinan dan jasa baik sepanjang bersama-sama pengurusan program ini.

‘Sangat bahagia dan nyaman berada di UUM dan berharap hubungan ini diteruskan,’ ujar salah seorang peserta program ini dan beliau menyampaikan ucapan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh warga GSGSG dan menyifatkan GSGSG sebagai satu program kenangan yang tidak akan dilupakan.

Dalam majlis yang sama, antara yang hadir ialah Pengarah GSEEP, Dr. Noor Azimin Zainol, Penolong Pendaftar GSGSG, En. Mohd Sukri Othman, Timbalan Pengarah RIMC, Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Nasrun B Mohd Nawi dan Prof. Madya Dr. Azham Bin Hussain, Penyelaras Program Sarjana Muda SOC yang juga dilantik sebagai Mentor untuk penerbitan jurnal kepada para peserta program ini. Wakil dari Indonesia yang turut hadir bersama ialah Dekan Fakulti Teknikal dan wakil rektor UNKRIS, Dr Guswandi yang sangat berpuas hati dengan program ini serta akan dilanjutkan dengan kohort yang seterusnya.

Majlis kemudian berakhir dengan penyerahan cenderahati berupa gambar kenang-kenangan dan sedikit jamuan makan tengahari sebelum rombongan UNKRIS bergerak ke Kuala Lumpur untuk aktiviti selanjutnya.

Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +604928771/7766 | Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my

Website : gseep.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.